


info Zakat



Keluaran 02/2017
www.zakatpenang.com

زكاة فريهاتين
Zakat Pribatin



Kaunter Bergerak Agihan & Kutipan *Zakat Pulau Pinang*



Misi Bantuan
Pasca Banjir
JAWHAR, AMZ
dan MAIN 2017

3



Kaunter Bergerak
Agihan & Kutipan
Zakat Pulau Pinang

4



Kebakaran
Di Jelutong

6



Majlis

Pembayaran Saguhati Jawatankuasa Kariah 2017

28 Nov 2017 : Majlis Serahan Saguhati Jawatankuasa Kariah Negeri Pulau Pinang 2017, Seramai 798 orang terdiri daripada Pengurus, Timb. Pengurus, Setiausaha dan Bendahari yang hadir pada majlis tersebut untuk menerima saguhati tersebut yang berjumlah RM398,800 bagi seluruh Pulau Pinang bagi 2017.

Dalam majlis yang sama juga Zakat Pulau Pinang telah menyumbangkan saguhati yang berjumlah RM1,700 kepada adik Noor Hamimi Ainina Rosdi, yang cemerlang dalam keputusan UPSR 6A, kejayaan beliau tidak dapat berkongsi bersama kerana ayahnya yang telah meninggal pada pagi keputusan UPSR keluar. Zakat Pulau Pinang telah menjadikan adik Noor Hamimi sebagai "ANAK ANGKAT" agar dapat memberi semangat dan galakkan untuk maju lagi di masa hadapan.

Sementara itu terdapat juga 5 syarikat korporat yang menuaikan zakat perniagaan :

Syarikat ETIQA TAKAFUL BHD :

Jumlah RM75,000 bagi Haul 2016

Syarikat CIMB ISLAMIC BANK BERHAD :

Jumlah RM100,000 bagi Haul 2016

Syarikat QSR BRANDS (M) HOLDING SDN. BHD. :

Jumlah RM239,917.83 bagi haul 2016

Syarikat BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD :

Jumlah RM400,000 bagi haul 2016

Syarikat UDA LAND SDN. BHD. :

Jumlah RM1,303,162.53 bagi haul 2016

Jazakallahu Khayran kepada Pembayar zakat semua...

Lebuh Chulia,
George Town



GEORGETOWN, 16 Ogos 2017 - Team Peduli Asnaf berkunjung ke Anjung Singgah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang terletak di Lebuh Chulia bagi menyantuni seorang wanita dan anak-anaknya yang didakwa dihalau oleh suami. Si ibu bekerja sebagai pembantu kedai makan dengan gaji RM50 sehari. 5 orang anak sedang bersekolah. (3 orang sekolah menengah, 2 orang sekolah rendah). Mereka adalah penerima Bantuan Persekolahan ZPP sejak 3 tahun lalu.

Team Peduli Asnaf tidak dapat menemui mereka pada waktu siang kerana mereka tidak ada di Anjung Singgah pada waktu tersebut. Si ibu keluar bekerja sementara anak-anak pulak ke sekolah.

Bantuan sesuai dari wang zakat yang ditunaikan di Zakat Pulau Pinang akan diaturkan bagi meringankan beban mereka sekeluarga.

BANTULAH ASNAF DENGAN BERZAKAT DI ZAKAT PULAU PINANG.

Isteri Dan
Anak-Anak
Dihalau Suami

**UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH
KEPADА KONTINJEN MISI BANTUAN
PASCA BANJIR JAWHAR, AMZ DAN MAIN
2017**

Mewakili Zakat Pulau Pinang saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat didalam program pasca banjir di Pulau Pinang. Segala usaha tuan/puan amatlah dihargai dalam membantu mangsa-mangsa banjir.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Tuan Haji Musadad Bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR dan team, Datuk Ibrahim Fadzil, CEO Zakat Melaka dan team, Tuan Shiekh Zakaria Bin Othman, CEO LZNK dan team, Tn Hj Yosree bin Ikhsan, Ketua Penolong Pengarah Zakat Baitulmal Wakaf, MAIJ dan team Briged Ansar, Team MAIN, Team PPZ, Team Lzs dan Team PZN9.

Jutaan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan misi pasca banjir di Pulau Pinang.

Didoakan juga semoga semua mangsa banjir dapat kembali menjalani kehidupan yang sempurna seperti sediakala.

Semoga segala usaha murni kita ini mendapat rahmat dan berkat disisi Allah s.w.t. InshaAllah.

Berat sama dijunjung, ringan sama dijinjing

'Jadzaakkallah Khairan'

Dato Haji Sazali Bin Hussein
Pemangku,
Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Pulau Pinang, MAINPP



Misi Bantuan Pasca Banjir JAWHAR, AMZ dan MAIN 2017



Majlis Graduasi Pelajar Naza Academy

Cinta Sayang Resort,
Sungai Petani

21 Oktober (Sabtu) - Baru-baru ini telah berlangsung Majlis Graduasi pelajar tajaan ZPP di NAZA Academy, Gurun Kedah. Majlis telah diadakan di Cinta Sayang Resort, Sungai Petani. Seramai 20 orang pelajar asraf ZPP yang terdiri dari para huffaz telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat SKM. Sijil berkenaan disampaikan oleh Timbalan Pegawai Eksekutif, ZPP, Ustaz Mohamad kairi Bin Ghazalli sambil disaksikan oleh Pengetua NAZA Academy. Zakat Pulau Pinang memperuntukkan sebanyak RM1, 871,117.00 bagi membiayai segala perbelanjaan pelajar-pelajar ini selama 3 tahun bermula dari tahun 2015. Tahniah diucapkan.



Kepala Batas,
Seberang Perai Utara



Ramai Pesakit Yang Memerlukan

Bantuan RM5,000 mungkin satu jumlah yang tidak besar pada kita. Namun, amat bermakna bagi mereka. Kesulitan asnaf ini sampai ke pengetahuan kami melalui saluran Whatsapp. Beliau terlibat dalam kemalangan. Kaki kirinya mengalami kecederaan teruk sehingga doktor terpaksa memotong kaki beliau dari paras atas lutut. Bapanya hanya berniaga kedai makan. Wang zakat yang ditunaikan di Zakat Pulau Pinang disalurkan buat beliau bagi meringankan beban.

Berzakatlah di Zakat Pulau Pinang bagi membantu beliau serta ramai lagi asnaf yang kurang bernasib baik.

Kaunter Bergerak Agihan & Kutipan

Zakat Pulau Pinang



Kaunter Bergerak Agihan & Kutipan Zakat Pulau Pinang telah mula memberi perkhidmatan untuk kemudahan umum sejak Julai 2017 lalu.

Kaunter bergerak ini merupakan salah satu perkhidmatan yang disediakan ZPP bagi memudahkan penduduk sekitar yang mempunyai kemusykilan tentang agihan bantuan dan ibadah zakat. Selain itu, umum juga lebih mudah mengambil tahu info serta program agihan dan kutipan zakat yang telah dilaksanakan.

Kaunter Bergerak ini akan terus berkunjung ke banyak lagi lokasi lain bagi memberi lebih banyak kemudahan kepada umum, Insya Allah.

Semoga kemudahan ini dapat memberi manfaat kepada semua umat Islam di Pulau Pinang, Insya Allah.

**BANTU ASNAF DENGAN BERZAKAT
DI ZAKAT PULAU PINANG.**



Dato Keramat,
Pulau Pinang

11 September 2017 - Tak dapat dibayangkan keperitan Puan Normah, ibu tunggal yang baru 2 bulan kehilangan suaminya ini. Tiada lagi sumber pendapatan. Namun perlu menyara seorang anak perempuan OKU mental berusia 16 tahun yang juga mengidap sakit jantung.

Puan Normah sendiri mengidap darah tinggi dan kencing manis yang memerlukan beliau kerap berulang alik ke hospital. Ketika kami hadir beliau baru selesai solat dan memujuk anak perempuannya yang sedang bermain dengan bakul.

Wang zakat yang kita tunaikan di Zakat Pulau Pinang akan diaturkan bagi membantu meringankan kesusahan beliau dan anak setiap bulan.

**BANTULAH MEREKA DENGAN BERZAKAT
DI ZAKAT PULAU PINANG.**



**Anak OKU
Dan Sakit Jantung**


Kebakaran Di Jelutong

2 November 2017 - Team Peduli Asnaf Zakat bersama-sama agensi yang lain menghulurkan bantuan buat mangsa-mangsa kebakaran yang ditempatkan di Surau Jalan Madrasah. Seramai 10 buah keluarga dilaporkan terlibat dalam kebakaran yang berlaku petang 1 November 2017 tersebut. Kesemua mereka sehelai sepinggang menyelamatkan diri serta keluarga masing-masing dalam kejadian tersebut.

Timbalan YDP MAINPP, Dato' Haji Abdul Halim Hussain hadir bagi menghulurkan sumbangan segera Zakat Pulau Pinang kepada mangsa yang terlibat. Beliau turut melawat kawasan kejadian.

Bantuan selanjutnya dari wang zakat yang ditunaikan di Zakat Pulau Pinang akan diaturkan bagi meringankan beban.

**BANTULAH MEREKA DENGAN BERZAKAT
DI ZAKAT PULAU PINANG.**




ZPP Dan Unit Kerja Sosial *Perubatan Hospital*

Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sentiasa bekerjasama dengan Unit Kerja Sosial Perubatan hospital-hospital di Pulau Pinang bagi membantu pesakit asnaf yang mengidap penyakit kronik. Misalnya asnaf mengidap kanser, jantung serta pesakit-pesakit yang memerlukan pembedahan segera dan lain-lain.

Unit Kerja Sosial Perubatan hospital juga berusaha membantu pesakit yang kurang berkemampuan bagi mendapatkan bantuan dari pelbagai sumber lain. Misalnya dari Tabung Bantuan Perubatan, Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dan lain-lain.

Selagi ada pembayar zakat di Zakat Pulau Pinang, Insya Allah tidak akan putus dana bantuan buat pesakit asnaf.

**BANTULAH PESAKIT YANG MEMERLUKAN DENGAN BERZAKAT
DI ZAKAT PULAU PINANG.**



MARA,
Jawi

Kem Bahasa Arab Cemerlang 2017

Program ini telah diadakan pada 15 - 17 September 2017 yang lalu bertempat di Institut Latihan Kecemerlangan MARA, Jawi. Kem dianjurkan bagi memberi manfaat kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki SPM. Seramai 80 orang pelajar dari Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Pulau Pinang telah terpilih ke kem ini. Program ini adalah di bawah inisiatif Mutiara PDCA dengan kerjasama Zakat Pulau Pinang dan Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang (JPN PP). Beberapa orang guru pakar Bahasa Arab telah dijemput bagi membimbing para peserta program ini. Zakat anda menyinari asnaf.

BERZAKATLAH DI ZAKAT PULAU PINANG.

English Language Workshop 2017

English Language Workshop 2017 ini telah diadakan pada 28 - 30 Julai 2017 yang lalu. Bengkel dianjurkan bagi memberi manfaat kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki SPM. Seramai 120 orang pelajar dari 12 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan 7 buah Sekolah Agama Rakyat di Pulau Pinang telah terpilih ke bengkel ini. Program ini adalah dibawah inisiatif Mutiara PDCA dengan kerjasama Zakat Pulau Pinang, Jabatan Pendidikan Pulau Pinang (JPPP) serta Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP). Seramai 10 orang jurulatih utama dari JPPP memberi khidmat bimbingan dalam program ini.

BERZAKATLAH DI ZAKAT PULAU PINANG DEMI MANFAAT
LEBIH RAMAI PELAJAR.



Muhammad Shahril (dua dari kiri) bertemu dengan Rosny (duduk, tiga dari kiri), dan empat anaknya ketika melawat keluarga berkenaan di Kampung Melayu, Air Itam. FOTO: Zulaimy Zukiffi

14 November 2017- Terima kasih kepada Pemuda Harapan Ummah Surau Kg Melayu kerana memanjangkan permasalahan keluarga ini kepada Zakat Pulau Pinang. Rumah yang mereka diami ini juga dikenali sebagai 'istana sangkut' dikalangan penduduk setempat. Keadaan rumah yang dhaif dan serba kekurangan memerlukan perhatian daripada pelbagai pihak. Untuk makluman pada 10/11/2017 (Sabtu) team Zakat Penang bersama team Zakat Selangor telah menyantuni mereka dalam menyampaikan bantuan banjir kepada mereka serta penduduk.

Kampung Melayu,
Air Itam

Bantuan Untuk Istana Sangkut

Untuk rekod Puan Rosny binti Mohamed Pakiry, pemilik rumah merupakan penerima bantuan zakat dari ZPP. Beliau serta enam anaknya telah ditinggalkan suami 10 tahun yang lepas dan hanya bekerja sebagai pengawal keselamatan bagi menampung kehidupan mereka. InsyaAllah pertimbangan bantuan tambahan yang sewajarnya akan segera disalurkan kepada mereka.



BANK RAKYAT

Zakat Perniagaan bagi haul 2016

RM1,006,456.00

Ketua Pegawai Operasi Perniagaan Bank Rakyat, Datuk Haji Amirudin Bin Haji Abdul Halim menyerahkan zakat perniagaan tersebut kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Dr Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas sebagai mewakili Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.



CIDB

Zakat Perniagaan bagi haul 2016

RM36,789.00

Diserahkan oleh En. Mohammad Faizal Abdul Hamid, Pengarah CIDB Pulau Pinang.



ETIKA TAKAFUL BHD

Zakat Perniagaan bagi haul 2016

RM75,000.00

Diserahkan oleh En. Hamzah Bin Alias , Ketua Pegawai Esekutif Bahagian Wilayah Utara Etiqa Takaful Bhd.



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD

Zakat Perniagaan bagi haul 2016

RM100,000.00

Diserahkan oleh Y.Bhg. Dato' Mohamad Zabidi Ahmad, Ketua Perbendaharaan CIMB Islamic Bank Bhd.



QSR BRANDS (M) HOLDING SDN. BHD.

Zakat Perniagaan bagi haul 2016

RM239,917.83

Diserahkan oleh Tuan Haji Mohd Roslan bin Mohd Saladin , Pengurus Besar , Jabatan Syariah & Pematuhan Halal , QSR Brands (M) Holding Bhd



BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD

Zakat Perniagaan bagi haul 2016

RM400,000.00

Diserahkan En. Mohd Salihin bin Deris , Tim. Presiden Kanan / Ketua Khidmat Nasihat Syariah Bank Pembangunan (M) Bhd.



UDA LAND SDN. BHD.

Zakat Perniagaan bagi haul 2016

RM1,303,162.53

Diserahkan oleh En. Zainudin Deni , Ketua Pegawai Eksekutif , UDA LAND (NORTH) Sdn. Bhd



SYARIKAT JERUK MADU PAK ALI

Zakat Perniagaan bagi haul 2016

Zakat Diserahkan oleh Tuan Haji Alias Ali, Pengarah Urusan Syarikat Jeruk Madu Pak Ali kepada En. Mohamad Fuad Md. Isa, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Jabatan Kutipan & Pemasaran ZPP.